

Kes virus zika meningkat

121 di Mexico

B. Harian - 2/3/16 C.M/B 39)

Bandar Raya Mexico: Pihak berkuasa Mexico mengesahkan 11 wanita hamil dijangkiti virus zika daripada sejumlah 121 kes setakat ini.

Menurut laporan Kementerian Kesihatan, kebanyakan kes dikenal pasti di negeri selatan Mexico seperti Chiapas dan Oaxaca.

Difahamkan, lapan daripada wanita mengandung itu adalah dari Chiapas, Oaxaca (dua) dan negeri Teluk di Veracruz (satu).

Jumlah kes wanita hamil yang dijangkiti sudah meningkat sejak pertengahan Februari lalu apabila kementerian berkata ada 80 kes yang disahkan.

Tiada maklumat

Masih banyak yang tidak diketahui mengenai zika, termasuk sama ada virus itu sebenarnya menyebabkan microcephaly, satu keadaan yang ditandai dengan kepala yang luar biasa kecil yang boleh menyebabkan masalah tumbesaran.

Brazil berkata ia mengesahkan lebih daripada 580 kes microcephaly dan menganggap kebanyakan kes ada kaitan dengan jangkitan zika menerusi ibu.

Brazil sedang menyiasat tambahan lebih daripada 4,100 kes disyaki microcephaly.

REUTERS